

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

PELANTIKAN BAHARU TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Pada 01 Disember 2016, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah menerima kehadiran seorang pemimpin baharu iaitu Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Beliau sebelum ini merupakan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seluruh warga universiti khususnya staf di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) mengalu-alukan serta mengucapkan Selamat Datang ke UTHM. Semoga kehadiran beliau menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi di universiti.



AUDIT DALAMAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHE)

Audit Dalaman Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE) telah dijalankan di ORICC pada 08 Disember 2016. Skop auditan melibatkan dua aspek iaitu, *On-Desk* (Dokumentasi & Governan) dan *Site-Visit* (Lawatan Makmal Pusat Kecemerlangan). Panel auditor diketuai oleh Dr. Mohammad Kamil Abdullah, Ketua Unit Bahagian Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OSHE). Hasil daripada auditan tersebut ORICC telah memperolehi empat (4) bintang dengan peratusan sebanyak 75% (B)-*Ranking 1*. Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan sesi audit OSHE pada tahun 2016. Diharapkan agar cadangan penambahbaikan daripada pihak auditor dapat dilaksanakan dengan jayanya.



MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGI SKT 2017 PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Mesyuarat Perancangan Strategi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2017 Penyelidikan dan Inovasi telah diadakan pada 15 hingga 17 Disember 2016 bertempat di Le Grandeur Palm Resort Senai, Johor Bahru. Mesyuarat dimulakan dengan sesi "Engagement & Sharing Session" bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim. Mesyuarat diteruskan dengan pembentangan dan perbincangan mengenai strategi pencapaian SKT 2017 bagi Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) dan Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E). Mesyuarat diakhiri dengan permurnian Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan ORICC.



SESI RAMAH MESRA & TAKLIMAT PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS)

Pada 21 Disember 2016 telah diadakan sesi ramah mesra penyelidik bersama Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) bertempat di Dewan Jemaah UTHM. Ini disusuli dengan Taklimat Permohonan Skim Geran Penyelidikan *Fundamental* (FRGS) Fasa 1/ 2017 yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Shukor Abd. Razak, Timbalan Pengarah (Pengurusan Projek), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Taklimat ini diaturkan untuk memberi peluang kepada penyelidik membentangkan draf kertas cadangan permohonan geran masing-masing sebelum memajukan permohonan secara rasmi kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Semoga taklimat ini memberi manfaat kepada semua penyelidik universiti yang hadir.

